

Inequality dan Perubahan Persekitaran

HESTI ASRIWANDARI & JAMALUDDIN MD. JAHI

ABSTRAK

*Persekitaran sebagai habitat semula jadi dan habitat manusia, menyediakan segala keperluan manusia agar dapat mengembangkan seluruh kemampuannya untuk hidup dan bermasyarakat. Pertumbuhan populasi menekan kemampuan persekitaran sehingga terjadi keterbatasan dan kelangkaan dalam sumber pemenuhan keperluan hidup. Persaingan yang berlaku pada masyarakat manusia mengancam kelestarian persekitaran dan berakibat munculnya kondisi **social inequality** atau kesenjangan sosial, iaitu kesenjangan antara **goals** (cultural goals) dengan **means** (institutional means). Berlaku kemudian sebuah fenomena sosiologis yang dinamakan sebagai anomie. Ancaman terhadap persekitaran tidak akan berlaku manakala tidak terjadi keterbatasan-keterbatasan pada sumber ekonomi manusia dan persaingan-persaingan untuk mendapatkannya. Sehingga di sini dapat dinyatakan bahawa perubahan-perubahan pada persekitaran sentiasa seiring dengan terjadinya *social inequality*. Proses sosial yang akan menyertai fenomena ini ialah berlakunya pelbagai bentuk konflik, baik antara kumpulan dalam sebuah komuniti, antara komuniti, mahupun antara komuniti dengan kumpulan yang memiliki dominasi sosial ekonomi, atau yang disebut sebagai orang berpengaruh. Sebahagian besar konflik sosial terjadi oleh sebab keterbatasan dan persaingan dalam sumber ekonomi masyarakat. Struktur sosial yang berfungsi sebagai landasan dalam tata perilaku ikut mengalami perubahan serta pergeseran akibat konflik dan persaingan. Kemampuannya untuk mengatur dan mengawasi tidak sama lagi sebagaimana yang berlaku sebelumnya. Sehingga perlu digali dan dirumuskan kembali oleh komuniti dan masyarakat yang bersangkutan, perangkat sistem nilai lokal sebagai bentuk kearifan lokal yang mampu mengatasi pelbagai perbezaan dan kesenjangan yang kerap kali melahirkan konflik berterusan.*

Kata kunci: inequality, perubahan persekitaran, konflik sosial, anomie

ABSTRACT

The environment, as natural habitat and social habitat, provides humans' every need in order to develop their capability to live and socialise. Population growth suppresses the environment's capability so a restriction and scarcity in the fulfilment of needs can occur. The competition which happens in human

society threatens the environment capability and resulting in a social inequality, which is inequality between the cultural goals and institutional means. This can develop into a sociology phenomenon called anomie. The threats toward the environment will not happen if there are no inequalities in human's economy resource and the competitions to achieve it. As such, we can state that changes in the environment will occur along with the occurrence of social inequality. The social process which will accompany this phenomenon is the occurrence of a variety of conflicts, be that between groups in a community, between communities, or between a community and groups with social economy domination, or which we call powerful people. Most of the social conflict occurs because of the inequalities and the competitions in people's economy resource. Social structure has a role as the base of the social order which will also change and transfer because of conflicts and competitions. Its capability to regulate and control is not the same as how it was before. So the community and people will need to find and make a set of local value system as the local wisdom which is capable of overcoming any differences and inequalities that often create continuous conflicts.

Key words: inequality, environment change, social conflict, anomie

PENGENALAN

Sejarah tamadun manusia telah mencatatkan adanya rantai panjang perubahan sosial. Komuniti manusia berbentuk *single society* yang homogen mengawali rantai ini dengan pertumbuhan penduduk, lalu diikuti oleh keterbatasan sumber daya alam, dan keterbatasan pemenuhan keperluan manusia. Keadaan ini memunculkan diferensiasi dan pembedaan peranan individu, yang kemudian mengarah pada struktur pembahagian kerja dan spesialisasi. Meningkatnya individualisme, serta semua bentuk perbezaan dan ketidaksamaan, berakibat kepada perubahan-perubahan persekitaran kehidupan masyarakat, yang kemudian menjadi faktor yang bertanggung jawab terhadap terjadinya konflik sosial antara komuniti.

Keterbatasan tanah dan pemenuhan keperluan manusia menghasilkan persaingan-persaingan diantara anggota masyarakat. Dengan lain perkataan, perubahan persekitaran berakibat pada konflik sosial. Perambahan hutan atau kerosakan pantai misalnya, ialah merupakan fenomena yang muncul oleh kerana manusia tidak dapat lagi menemukan persekitaran semula jadi yang masih ramah dengan segala hasil buminya untuk mereka. Ketimpangan sosial, *inequality*, dan perubahan persekitaran

menjadi fenomena yang tidak dapat dipisahkan. Struktur sosial yang mengatur perbezaan dan perebutan-perebutan yang terjadi harus mampu mengendalikan kohesi sosial agar sentiasa kekal.

Nilai serta norma tradisional yang dipentingkan ialah yang mengarah kepada kondisi perbezaan dan ketimpangan-ketimpangan sosial. Manusia harus belajar untuk menghadapi perbezaan kepentingan di antara sesamanya, mengendalikan keterbatasan-keterbatasan, sehingga perubahan persekitaran tidak harus menghasilkan konflik-konflik sosial diantara mereka. Nilai-nilai itu harus mampu merubah konflik dan perebutan, menjadi kerjasama dan kohesi sosial.

KEADAAN *INEQUALITY* DALAM MASYARAKAT

Pendekatan yang digunakan untuk memahami fenomena konflik ialah munculnya perilaku anomi dalam masyarakat. Anomi sosial muncul ketika terjadi ketimpangan (*'inequality'*) antara *'institutional means'* dengan *'cultural goals'*. Fasilitas dan kesempatan untuk mencapai tujuan, yang tidak pernah cukup tersedia untuk semuanya, akan menghasilkan perilaku-perilaku yang anomi, yang mana salah satunya ialah *'rebellion'* atau memberontak, yang maknanya ialah menggunakan cara-cara yang tidak biasa, termasuk kekerasan, untuk mencapai tujuannya (Merton 1981; Ritzer 1988; Turner 1978). Perilaku-perilaku seperti ini tentunya akan menimbulkan konflik ketika berhadapan dengan kumpulan yang lebih menguasai akses ekonomi atau politik. Komuniti yang merasa tidak mendapat kesempatan yang sama dengan komuniti yang dominan, akan melakukan tindakan-tindakan yang bertentangan dengan nilai-nilai dominan, dan akan menciptakan sebuah konflik yang sangat intens.

Merton (1981) menekankan bahawa ide-ide kultural menetapkan suatu tujuan atau cita-cita, kemana suatu tindakan harus diarahkan. Realisasi dari tujuan ini terjadi melalui tindakan-tindakan dalam struktur peranan-status suatu sistem, sebagaimana Durkheim dan Parsons (dalam Poloma 1999; Ritzer 1988) akui bahawa setiap sistem sosial menetapkan "sarana-sarana/cara-cara yang sah" atau jalur-jalur yang dilembagakan (jalur institusional), sebagai saluran dari tindakan-tindakan pencapaian tujuan. Sistem sosial menyediakan sarana atau jalan untuk mencapai tujuan, dimana cara atau sarana ini dinyatakan sebagai "sah" oleh norma-norma budaya.

Suatu sistem, dikatakan oleh Merton (1981) berada dalam keadaan *equilibrium*, jika terjadi integrasi antara harapan budaya dengan sarana

struktural, kerana aktor-aktor akan menginternalisasikan (menyerap) tujuan tersebut dan menjadikannya sebagai bahagian daripada keperluan psikologis mereka. Mereka menerima sebagai sesuatu yang sah, dan menggunakan cara-cara yang sah atau disetujui untuk mewujudkannya.

Malintegrasi atau disequilibrium terjadi apabila tidak ada keseimbangan antara tujuan dan sarana. Dengan kata lain, jika seorang aktor menerima tujuan, tetapi tidak dapat menggunakan sarana-sarana yang sah, atau apabila mereka menolak, atau tidak menyadari tujuan budaya, atau mengembangkan tujuan-tujuan alternatif, maka situasi anomi akan terwujud. Anomi muncul apabila tujuan budaya yang dominan dan/ atau sarana-sarana normatif yang sah tidak terbagi secara merata, sehingga tidak berhasil mengatur tingkah laku para aktor pada populasi tertentu dalam sistem sosial (Kamaruddin 2002).

Kondisi anomi yang meluas tentu menimbulkan keresahan pada masyarakat, oleh kerana akan menghasilkan perilaku-perilaku yang tidak *adaptive* terhadap perubahan dan keterbatasan, yang pada gilirannya akan menciptakan konflik sosial. Perspektif konflik menyatakan bahawa perbezaan-perbezaan kepentingan sangat berpotensi untuk menciptakan konflik sosial dan politik, dan bahawa intensiti konflik bukan disebabkan oleh perbezaan-perbezaan kultural, akan tetapi lebih diakibatkan oleh masalah-masalah yang bersifat struktural (Syarif Ibrahim Alqadrie 2003).

Perilaku individu anggota masyarakat dalam situasi anomi merupakan reaksi dan adaptasi terhadap pelbagai kesenjangan antara *institutional means* dan *cultural goals*, yang pada beberapa variasinya akan terwujud sebagai penyimpangan terhadap norma dan tatanan perilaku, serta sebagai tindakan-tindakan yang *disintegrative* atau kontra integrasi. Dinyatakan oleh Rukminto Adi (2008), bahawa komuniti tempatan sering tertutupi oleh komuniti yang lebih besar (*larger community*) dan memunculkan kesenjangan antara harapan dan kenyataan. Kesenjangan dalam komuniti tempatan dapat terjadi pada hubungan antarpribadi yang bermakna, dan pada keterampilan memecahkan masalah. Hal ini akan memunculkan anomi dan keterasingan (*alienasi*).

KONFLIK DAN PERUBAHAN PERSEKITARAN

Kata konflik menurut Kamus Bahasa Indonesia bererti percekocokan, perselisihan, pertikaian, pertentangan, benturan, atau *clash* antara manusia. Konflik seperti itu boleh timbul bila ada perbezaan pendapat, pandangan, nilai, cita-cita, keinginan, kepentingan, perasaan, kelakuan,

atau kebiasaan. Sedangkan dalam pengertian yang umum, didefinisikan sebagai perbezaan sosio-kultural, ekonomi, politik, dan ideologis di antara berbagai kelompok masyarakat, yang pada dasarnya tak dapat dipisahkan daripada hakikat keberadaan manusia dalam kehidupan kolektif. Apalagi bangsa kita dianugerahi keanekaragaman sosio-kultural yang bahkan sering saling tumpang tindih. Kerana itu wajar jika bangsa yang heterogen ini menyimpan potensi konflik tinggi.

Lewis Coser (dalam Poloma 1999; Turner 1978), mengatakan bahawa konflik sesungguhnya ialah usaha untuk memperebutkan status, kekuasaan, dan sumber-sumber ekonomi yang sifatnya terbatas, di mana pihak-pihak yang berkonflik bukan hanya berniat untuk memperoleh barang yang dimaksud tetapi juga berniat untuk menghancurkan lawannya. Dalam kondisi konflik, maka sedar ataupun tidak sedar setiap yang berselisih akan berusaha untuk meningkatkan dan mengabdikan diri dengan cara memperkukuh solidariti di antara sesama anggotanya. Misalnya, membentuk organisasi-organisasi kemasyarakatan untuk keperluan kesejahteraan dan pertahanan bersama; mendirikan sekolah untuk memperkuat identiti kultural, meningkatkan sentimen etnosentrisme, stereotipisme, keagamaan dan usaha-usaha lain yang meningkatkan primordialisme.

Sementara itu, menurut Dahrendorf (1986) segmentasi dalam bentuk terjadinya kesatuan-kesatuan sosial yang terikat ke dalam ikatan-ikatan primordial dengan sub-kebudayaan yang berbeza sangat mudah sekali melahirkan konflik-konflik sosial. Dalam kondisi seperti ini, konflik akan terjadi dalam dua dimensi; *dimensi pertama* adalah konflik di tingkatan ideologi, konflik ini terwujud di dalam bentuk konflik antara sistem nilai yang dianut oleh etnik pendukungnya serta menjadi ideologi dari kesatuan sosial. *Dimensi kedua* adalah konflik yang terjadi dalam tingkatan politis, yang terjadi dalam bentuk pertentangan dalam pembahagian status kekuasaan dan sumber ekonomi yang terbatas dalam masyarakat.

Dengan struktur sosial yang sedemikian kompleks, sangat rasional sekali bila Indonesia selalu menghadapi permasalahan konflik antara etnik, antara komuniti, antara kepentingan, kesenjangan sosial, dan sukar sekali terjadi integrasi secara kekal. Hambatan demikian semakin nampak dengan jelas, jika diferensiasi sosial berdasarkan parameter suku bangsa jatuh berhimpitan (*coincided*) dengan parameter lain (agama, kelas, ekonomi, dan bahasa), sehingga sentimen-sentimen yang bersumber dari parameter sosial yang satu cenderung berkembang saling mengukuhkan dengan sentimen-sentimen yang bersumber dari diferensiasi sosial berdasarkan parameter yang lain. Konsolidasi parameter struktur sosial

(*consolidated social structure*) yang demikian menurut Peter Blau merupakan kendala yang paling besar bagi terciptanya integrasi sosial (Poloma 1999; Ritzer 1988).

Sementara itu, secara antropologis diferensiasi sosial yang melingkupi struktur sosial kemajemukan masyarakat Indonesia ialah; pertama, diferensiasi yang disebabkan oleh perbezaan ada istiadat (*custom differentiation*) hal ini kerana perbezaan etnik, budaya, agama, dan bahasa. Kedua ialah diferensiasi yang disebabkan oleh struktural (*structural differentiation*), hal ini ialah akibat dari ketidakmampuan untuk mengakses ekonomi dan politik secara adil, sehingga menyebabkan kesenjangan sosial di antara etnik yang berbeza (Suwarsono & Alvin 1991).

Usaha manusia dalam mengatasi keterbatasan sumber-sumber ekonominya, menghantarkan kepada sebuah diferensiasi struktural antara kelompok yang memiliki kesenjangan dalam akses sosio-ekonomi. Dalam konteks inilah kemudian muncul fenomena perubahan-perubahan persekitaran yang dapat dilihat pada pelbagai komuniti pada masyarakat tradisional. Kerosakan-kerosakan pada alam semula jadi serta persekitaran, berakibat pada bentuk-bentuk bencana yang khas, seperti tanah longsor, pencemaran udara, banjir, hutan-hutan yang meranggas, kebakaran hutan, dan sebagainya, semua ini merupakan parameter terjadinya konflik antara manusia dengan alam, serta manusia dengan manusia yang dipicu oleh polarisasi kepentingan.

Masyarakat yang semula bersahabat dengan alam, dengan perlahan-lahan berubah menjadi musuh alam yang utama. Struktur sosial yang pada mulanya mengatur kehidupan yang selaras antara manusia dengan persekitarannya, lambat laun memudar dan berganti dengan nilai-nilai ekonomi yang akhirnya melahirkan konflik berkepanjangan, dan '*coincided*' dengan perbezaan-perbezaan kultural, sebagaimana gejala yang digambarkan oleh Peter Blau (dalam Poloma 1999; Ritzer 1988).

PENGUATAN KEMBALI KEARIFAN LOKAL

Kearifan lokal ialah sebuah sistem nilai yang mengacu pada pelbagai kekayaan budaya itu sendiri, yang tumbuh dan berkembang dalam sebuah masyarakat, dikenali, dipercayai, dan diakui sebagai elemen-elemen penting yang mampu mempertebal kohesi sosial di antara warga masyarakat. Kearifan tradisional merupakan sebuah sistem dalam tatanan kehidupan sosial politik, budaya, ekonomi serta lingkungan yang hidup di tengah masyarakat lokal. Kearifan lokal bersifat dinamis, berkelanjutan

dan dapat diterima oleh komunitasnya. Dalam komunitas masyarakat lokal, kearifan tradisional mewujudkan dalam bentuk seperangkat aturan, pengetahuan dan juga keterampilan serta tata nilai dan etika yang mengatur tatanan sosial komunitas yang terus hidup dan berkembang dari generasi ke generasi.

Kearifan tradisional merupakan salah satu warisan budaya yang ada di masyarakat (tradisional) dan secara turun-temurun dilaksanakan oleh masyarakat yang bersangkutan. Kearifan tradisional tersebut umumnya berisi ajaran untuk memelihara dan memanfaatkan sumberdaya alam (hutan, tanah, dan air) secara berterusan. Subak di Bali dan sasi di Maluku merupakan contoh kearifan tradisional yang masih dilaksanakan oleh masyarakat setempat dan mampu memelihara sumberdaya alam sehingga dapat memberikan penghidupan untuk masyarakat setempat secara berterusan. Keberadaan kearifan tradisional sangat menguntungkan kerana secara langsung atau pun tidak langsung sangat membantu dalam memelihara persekitaran serta mencegah terjadinya kerosakan.

Namun demikian dengan makin meningkatnya kepentingan ekonomi akibat perkembangan jumlah penduduk serta meningkatnya tingkat pendidikan masyarakat, kearifan tradisional tersebut banyak yang telah ditinggalkan dan diganti dengan perhitungan ekonomi tanpa mempertimbangkan pelestarian fungsi persekitaran semula jadi. Hal ini dapat dilihat dengan makin rosaknya sumberdaya hutan, hilangnya mata air/sumber air, rosaknya hutan bakau, dan lain-lain.

Mengingat begitu pentingnya peranan kearifan tradisional dalam upaya memelihara dan melestarikan fungsi persekitaran semula jadi, maka kearifan tradisional tersebut perlu terus dipelihara dan diterapkan dalam kehidupan masyarakat sehari-hari. Upaya ini antara lain dapat dilakukan dengan memasukkan kearifan tradisional menjadi salah satu mata pelajaran dalam pendidikan di sekolah-sekolah, serta pendidikan kedinasan di pusat maupun daerah. Kearifan lokal dalam bentuk lain dapat juga dengan mencari persamaan (*general value atau common value*) di antara kelompok-kelompok yang berbeza kepentingan.

Perdamaian dan pencegahan konflik akan lebih dapat dirasakan lagi manakala kearifan-kearifan lokal itu kemudian didukung, difasilitasi, dan dibantu oleh peranan negara dan kerajaan. Pendekatan pengembangan masyarakat perlu dilakukan untuk dapat mengamati kohesi sosial lebih dekat. Modal sosial ialah norma dan aturan yang mengikat warga masyarakat yang berada di dalamnya, dan mengatur pola perilaku warga, juga unsur kepercayaan (*trust*) dan jaringan (*networking*) antara warga masyarakat, secara internal mahupun eksternal. Modal sosial menjadi

perekat antara kumpulan masyarakat yang satu dengan lainnya (Fukuyama 2002; Lawang 2005).

Menurut Harry Hikmat (2006), pemberdayaan masyarakat yang menekankan pada pengembangan komuniti, berorientasi pada perluasan dan pemeliharaan sistem (*system maintenance and enhancement*), yang tujuannya ialah:

- 1) Memapankan hubungan kerja sama antara kumpulan dalam suatu komuniti; menciptakan struktur pemecahan masalah komuniti yang terpelihara secara baik dalam/oleh komuniti tersebut (*self maintaining*)
- 2) Mendorong masyarakat agar mempunyai minat dan partisipasi yang luas terhadap isu-isu dalam komuniti; mengembangkan sikap dan perilaku suka bekerja sama
- 3) Meningkatkan peranan kepemimpinan yang berasal dari komunitinya (*indigenous leadership*)

Upaya yang dijalankan cuba untuk mengintegrasikan masyarakat (*community integration*), serta mengembangkan kapasiti masyarakat tersebut (*community capacity*).

Pendekatan Kapital Sosial (Fukuyama 2002; Lawang 2005; Hikmat 2006) menegaskan bahawa struktur sosial merupakan salah satu sumber kapital sosial yang dapat digunakan bersama kapital-kapital lainnya untuk mengatasi masalah sosial. Bentuk-bentuk interaksi yang muncul boleh berupa *bonding capital*, modal sosial yang mengikat anggota masyarakat dalam satu kumpulan tertentu; *bridging capital*, modal sosial yang menghubungkan warga masyarakat dari kumpulan yang berbeda; *linking capital*, ikatan antara kumpulan warga masyarakat yang lemah dengan kumpulan warga masyarakat yang lebih berpengaruh (*powerful people*).

Pola interaksi yang terjadi antara anggota masyarakat akan menemukan sistem norma yang sesuai untuk masyarakatnya. Sistem nilai dan aturan-aturan yang berlaku dalam masyarakat menjadi modal yang tidak ternilai dalam upaya mempersatukan suatu komuniti. *Trust* yang ada dalam setiap jalinan interaksi akan melemah apabila masyarakat berpandangan negatif terhadap *powerful people* yang dianggap memanipulasi kepentingan kumpulan-kumpulan tertentu. Dalam perkembangan setiap komuniti pasti ada orang-orang yang cuba melakukan pelanggaran atau membelokkan peraturan yang ada agar peraturan tersebut dapat menguntungkan kumpulan tertentu. *Inequality* dan *anomi* merupakan potensi konflik sosial, dan dalam keadaan demikian *community integration* dan *community capacity* akan sukar dicapai.

Konflik dalam kehidupan masyarakat, didorong oleh perubahan, perbezaan dan pluralitas yang bergerak dialektik. Pengurusan konflik diperlukan agar proses dialektika perubahan, perbezaan, dan pluralitas berjalan wajar, terbuka, cerdas dan mencerahkan guna menemukan sintesis baru yang adil dan dapat diterima sebagai keniscayaan sementara, dan bentuk-bentuk sintesis baru selalu lahir dan memperkaya kehidupan masyarakat (Novri 2009).

Dalam pengurusan konflik tidak ada penolakan terhadap perubahan, perbezaan dan pluralitas kehidupan masyarakat, baik dalam kegiatan sosial, ekonomi, politik, budaya maupun keagamaan, tetapi menjaga, mengelola dan mengarahkannya membentuk sintesis-sintesis baru. Kerana itu masyarakat harus punya waktu dan kesempatan mendidik dirinya menjadi makin dewasa dalam menghadapi dinamika perubahan, perbezaan, dan pluralitas yang ada di dalam dirinya sendiri.

Sebab itu, ada dua hal yang harus mendapatkan perhatian sungguh-sungguh. Pertama, menumbuhkan “solidariti emosional” dalam bingkai kohesi sosial, sehingga interaksi antara komuniti dan kelompok dapat mewujudkan rasa kebersamaan. Pengelolaan negara pun harus diarahkan sedemikian rupa sehingga berbagai polisi yang dijalankan tidak menimbulkan perasaan marginal bagi suatu kelompok tertentu. Kedua, pengembangan komuniti dan masyarakat harus mampu mewujudkan “solidariti fungsional”, iaitu solidariti yang didasarkan pada ikatan saling ketergantungan satu sama lain dalam bidang ekonomi, politik dan sosial budaya. Masyarakat harus menemukan makna kearifan lokalnya dalam menjawab solidariti fungsional ini, agar ketergantungan ekonomi serta kepentingan yang pragmatis tidak bermuara pada konflik. Sebuah pengamatan yang mendalam sangat diperlukan di sini. Kearifan lokal yang berorientasi pada perubahan dan perbezaan harus digali atau dirumuskan oleh masyarakat yang sudah tercabik-cabik oleh persaingan dalam merebut peluang memenuhi keperluan hidupnya.

KESIMPULAN

Populasi atau jumlah penduduk merupakan faktor yang signifikan mempengaruhi perubahan persekitaran. Impak yang paling utama kepada kelangkaan sumber ekonomi yang kemudian menciptakan keadaan *inequality* atau kesenjangan serta ketimpangan kepentingan di dalam komuniti dan masyarakat. Beragam bentuk konflik berpotensi yang dapat muncul di sini, baik di dalam komuniti, di antara komuniti yang berbeza

mahupun di antara masyarakat dengan '*powerful people*'. Banyak antara kes persekitaran yang mana terbabit di dalamnya pertikaian di antara komuniti dengan '*powerful people*', seperti misalnya pihak industri, ataupun pemerintah. Sementara kes-kes batas desa dan pemilikan tanah banyak ditemukan pada konflik antara-komuniti. Maka sekali lagi dinyatakan di sini, bahawa *inequality* dan *anomi* merupakan potensi konflik sosial, dan dalam keadaan demikian *community integration* dan *community capacity* akan sukar dicapai.

Dengan demikian yang harus diutamakan ialah membangun kerja sama antara pihak berkepentingan. Untuk mencegah terjadinya peningkatan konflik di masa mendatang, terutamanya ketika berhadapan dengan perubahan persekitaran yang terjadi, kiranya langkah berikut perlu untuk dipertimbangkan:

- 1) Menumbuhkan nilai-nilai bersama dan pelestarian persekitaran semula jadi, terutama melalui jalur pendidikan. Kerana pada dasarnya pendidikan boleh memainkan tiga fungsi sekaligus. Dalam jangka pendek memainkan fungsi instruksional, jangka menengah memainkan fungsi ekonomi, dan jangka panjang memainkan fungsi kultural.
- 2) Menilai kembali pelbagai kebijakan yang cenderung mempertajam konflik dalam masyarakat. Konflik tidak saja disebabkan semata-mata oleh faktor masyarakat yang multi etnik, namun juga pelbagai kebijakan nasional justeru telah mendorong munculnya konflik, seperti kebijakan pemanfaatan sumber daya air, atau eksplorasi hutan lindung.
- 3) Perlu kembali digalakkan komuniti atau forum-forum warga dengan perspektif baru melalui pendekatan partisipasi dan kepentingan lokal. Forum ini hendaknya bukan sekadar diskusi melainkan juga menjadi wadah untuk mencairkan perbezaan dalam masyarakat, sebagai *early warning* bila ada kejadian yang luar biasa.

Berdasarkan kerangka berfikir yang telah diuraikan, maka muncul beberapa pertanyaan berkenaan dengan keadaan *inequality* dan *anomi*, dan keterkaitannya pada upaya-upaya integrasi untuk mengembangkan kemampuan memecahkan masalah : Apakah benar, dalam keadaan *inequality* dan *anomi*, maka struktur sosial akan merupakan faktor yang memunculkan masalah sosial? Lalu faktor perekat apa yang mampu menggerakkan *community capacity* pada keadaan *inequality* dan berkembangnya perilaku *anomi*? Pengamatan dan penyelidikan yang lebih mendalam pada komuniti yang mengalami kurangnya akses pada *institutional means* diharapkan mampu menjawab permasalahan ini.

RUJUKAN

- Dahrendorf, R. 1986. *Klas dan Konflik Klas dalam Masyarakat Industri*. Jakarta: Rajawali.
- Fukuyama, F. 2002. *Trust. Kebajikan Sosial dan Penciptaan Kemakmuran*. Yogyakarta: Qalam.
- Hikmat, Harry. 2006. *Strategi Pemberdayaan Masyarakat*. Bandung: Humaniora Utama Press.
- Lawang, R.M.Z. 2005. *Kapital Sosial dalam Perspektif Sosiologik, Suatu Pengantar*. Jakarta: FISIP-UI Press.
- Merton, R.K. 1981. *Social Theory and Social Structure*. New Delhi: Amerind Publishing Co.
- Novri Susan. 2009. *Sosiologi Konflik, Isu-Isu Konflik Kontemporer*. Jakarta: Prenada Media Group.
- Poloma, M. 1999. *Sosiologi Kontemporer*. Jakarta: Gramedia.
- Ritzer, G. 1988. *Sociological Theory*. 2nd Ed. New York: Albert A Knopf.
- Rukminto Adi, Isbandi. 2008. *Intervensi Komuniti. Pengembangan Masyarakat sebagai Upaya Pemberdayaan Masyarakat*. Jakarta: Rajawali.
- Kamaruddin M. Said. 2010. Etnisiti atau anomie? Analisis sosiologikal peristiwa pergaduhan beramai-ramai di Petaling Jaya Selatan. *Akademika: Jurnal Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan* 60: Januari 2010.
- Suwarsono & Alvin, Y. 1991. *Perubahan Sosial dan Pembangunan di Indonesia*. Jakarta: LP3ES.
- Syarif Ibrahim Alqadrie. 2003. Otonomi dan multikulturalisme. Seminar Nasional "Pendidikan Multikulturalisme dan Revitalisasi Hukum Adat". Diselenggarakan oleh Asisten Deputi Urusan Pemikiran Kolektif Bangsa, Kementerian Kebudayaan dan Pariwisata RI. Jakarta. 18-20 Disember.
- Turner, J.H. 1978. *The Structure of Sociological Theory*. Illinois: The Dorsey Press.

Hesti Asriwandari

Pelajar Ph.D.

Pengajar Jurusan Sosiologi

Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik

Universitas Riau

Jln. Prof. Dr. Muchtar Lutfi, Kampus Bina Widya

Pekanbaru 28293, Provinsi Riau, INDONESIA.

E-mail: asriwandari@yahoo.com

Jamaluddin Md. Jahi, Ph.D.

Felo Utama

Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.

E-mail: jamalmj1949@gmail.com

